► Saya percaya dan yakin ada satu rahsia atau fakta sejarah yang disembunyikan sehingga Singapura itu tergadai.Buku sejarah yang diajar di Singapura mengatakan Singapura itu dijumpai oleh Stamford Raffles.PtuiiiiHHH.....!!!!

Sekian.

Salam Hormat.

► reentry7.blogspot

sentinel5's Gravatar sentinel5

September 6, 2012 at 11:10 pm | Permalink

Tun,

Masalahnya Tun, budak Melayu kita sekarang ini terlalu pandai, bukan pandai dalam bidang sains tapi sains sosial dan politik.

Kalau dalam bidang sains budak Melayu jauh ketinggalan berbanding kaum lain tetapi kalau dalam bidang politik mereka paling maju ke hadapan daripada zaman mereka.

Bagi mereka, apa ada pada kata-kata hikmah Hang Tuah, cuma satu mitos yang tidak lagi relevan pada zaman yang serba canggih sekarang.

Kerana terlalu pandai berpolitik, orang Melayu lain kini tidak boleh membela diri mereka atau menjawab balik hujah kaum lain yang tebal dengan cauvinis perkauman mereka kerana akan dituduh rasis bukan oleh kaum lain tetapi bangsa mereka sendiri, orang Melayu.

Mereka ini termasuklah golongan Melayu liberal kononnya, profesor Melayu yang dah pandai sikit setelah mendapat tajaan biasiswa kerajaan untuk melanjutkan pelajaran ke universiti semasa muda dulu dan anak muda yang baru masuk universiti dan mahu menunjukkan mereka orang berpelajaran, jadi tidak perlu sependapat dengan masyarakat majoriti Melayu yang lain.

Kisah majoriti masyarakat Melayu yang masih miskin dan yang masih ada tinggal di rumah usang dengan atap zink yang berkarat dan tiris serta keluarga yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang tidak lagi penting terhadap golongan Melayu ini lebih-lebih lagi jika mereka sudah senang atau menganggap diri mereka sebagai golongan berpelajaran.

Mereka lupa jika tanpa bantuan kerajaan, ramai anak Melayu tidak akan berjaya ke universiti berbanding kaum lain yang mempunyai wang untuk membiayai anak mereka melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Seorang anak muda pernah mengemukakan pendapatnya seperti begini kepada saya, "Kawan-kawan saya (generasi muda yang sebaya dengannya) berpendapat, jika pemimpin 'A' dituduh tidak bermoral dan penuh dengan skandal apa bezanya dengan pemimpin-pemimpin lain yang didakwa juga mempunyai skandal?".

Saya menjawab soalan anak muda itu begini, "Sebenarnya ada bezanya pemimpin 'A' dengan pemimpin-pemimpin lain.Pemimpin 'A' mempamerkan dirinya sebagai orang alim dan warak dan boleh membaca khutbah Jumaat sedangkan pemimpin-pemimpin lain tidak berpura-pura sebagai orang alim".

“Pemimpin ‘A’ ini berbahaya kepada orang ramai kerana suka berpura-pura alim dan memperdaya orang ramai dan tidak layak jadi pemimpin jika begini sikapnya.”

Saya tambah lagi, ” Jika nasib tidak baik pemimpin ‘A’ boleh menjejaskan keselamatan dan nasib negara jika skandalnya dijadikan bahan peras ugut oleh perisik asing.”

Tun, alangkah dangkalnya jika semua anak muda Melayu kita berfikiran sedemikian iaitu jika pemimpin ini ada skandal apa bezanya dengan pemimpin lain atau secara ringkasnya boleh dirumuskan adalah seperti begini, :- Tak pa pemimpin ‘A’ ada skandal baik banyak mana pun kerana pemimpin lain pun sama jadi tak mengapa kalau nak tukar kerajaan.

Setelah peristiwa itu berlalu dan setelah difikir-fikirkan kembali, saya merasa kesal kerana tidak sempat memberitahu anak muda itu lagi bahawa pilihan raya yang ke-13 ini adalah pilihan raya yang penting yang akan menentukan survival bangsa Melayu.

Nasib dan masa depan bangsa Melayu di negara ini akan ditentukan sendiri oleh bangsa Melayu.

Sama ada mereka lebih pentingkan nasib bangsa mereka atau nasib seorang individu, terpulanglah kepada kebijaksanaan mereka.

Selain daripada yang Tun sebutkan mengenai nasib Melayu di Singapura, saya terkenang mengenai masjid di Singapura yang dibina dengan reka bentuk bangunannya lain daripada yang terdapat di negara lain dengan alasan kononnya republik itu tidak mahu menunjukkan seolah-olah meniru rekabentuk masjid negara-negara di Timur Tengah atau negara-negara Islam yang lain.

Kononnya Singapura lebih dinamik dan maju daripada negara Islam lain maka tidak perlu kubah dan sebagainya. Pembesar suara pula tidak boleh dihadapkan ke luar masjid tetapi ke dalam masjid. Adakah loceng gereja hanya dapat didengar dalam gereja sahaja dan tidak diluar gereja? Saya tidak tahu mengenai perkara ini.

Tetapi bagi saya ini adalah antara perkara sedih menimpa nasib bangsa Melayu di Singapura.

Saya diberitahu ada satu majlis perbincangan yang dihadiri oleh semua kaum di Kuala Lumpur tidak lama dahulu. Apabila seorang peserta menghentam kerajaan, dewan itu gemuruh dengan tepuk sorak daripada semua yang hadir. Tetapi apabila ada seorang peserta membangkitkan mengenai nasib orang Melayu yang miskin dan perlu dibela oleh kerajaan, dewan itu menjadi senyap sunyi, tiada tepukan atau sorakan daripada kaum lain menyatakan sokongan terhadap peserta itu.

Orang Melayu boleh membuat tanggapan sendiri daripada peristiwa ini .

Pada pilihan raya nanti, orang Melayu akan menentukan sama ada bangsa Melayu masih relevan di negara ini.

Salam Tun.

mubarakchan's Gravatar mubarakchan

September 6, 2012 at 8:07 pm | Permalink

Tun

What I do not understand is why the Malays must compare themselves with the other peoples ? By my reckoning as an apolitical person since October 1951. who had the experience and observation of the good and the great on both sides of the hallowed Causeway at the very bottom and the very top, I am of the opinion that the Malays have everything today to be proud of and should stand tall that they have all come a long long way.

I also do not understand why Malay heroes and heroines are not given full and deservedly recognition especially when they are alive !

It is the leaders who will and should shape the destiny of the community for the general good.

This has happened and will happen under the BN with UMNO leadership. Our icons and heroes are the Yang Di Pertuan Agong, the Royal Sultans, the Prime Minister and his Cabinet, members of the Dewan Rakyat and the Dewan Negara, the heads of important institutions, the schools and universities, the sportsmen and women, academics, the military, the police etc.

55 years of Merdeka is a very short time in the development of a post-colonial community and of a Nation if you had first hand experience and observation what colonialism meant – even the secretaries to the Boards of companies or statutory bodies were all staffed by expatriates. Actually, there is no time limit to develop a community. And if the leader is on holiday most of the time, of course, we have to wait for his return. Hence, those who love holidays should not enter politics of the Malaysian kind. I did not even though I did not take any holiday throughout my life.

Events concerning money scandals etc had occurred in all developed countries and happened recently, or a long time ago sometimes centuries past. These are just part of the normal political socio-economic cycle of Humankind. And as I said before, if you have Man and if you have Woman, there will be scandals ! Fortunately, each system has a built-in self-cleaning process.

Singapore. All Malaysian love to compare them with us. Fair enough since they are geographically nearest to us only. Let us now look at the warts and the beautiful buildings and dwellings.

Since we all believe in facts and that we are told Singapore practices meritocracy, therefore the smartest person, Lee Kuan Yew who entered the non-collegiate Fitzwillian House (the 30th college of the University of Cambridge) through the back-door and came out with a war-time Double Starred First law degree and maybe with a Third Class at the important Bar Finals, London is placed at the top of this meritocratic pyramid. His wife was placed 3rd out of 400 candidates and my wife, 7th out of 700.

Vide. Lee Kuan Yew. Singapore Story.

From my observations, I came across 3 Criteria which determine whether a person should be a Prime Minister or not.

1. Commonsense. For starters, a prospective Prime Minister or leader should behave normally eg. no unwarranted destruction of places of worship. etc.
2. The Ability to think out of the Box. In Tun Dr Mahathir Mohamad's case say the highways, and many many others.
3. Compassionate. It is good to have the proper laws in place but most times wisdom takes pride of place.

I invite all bloggers to apply the above 3 Criteria to the Prime Minister of your choice on both sides of the hallowed Causeway. Please based your discovery on facts and not on hearsay. Remember I always said that everyone has an equal chance on leaving the portals of a university but doctors, lawyers, etc are exempted.

Now the facts showing the major mistakes as could be discerned in the media since 1966 in Singapore.

1. The use of money as an instrument of foreign policy which resulted in the killing, maiming and injuring innocent men, women and children of friendly countries. There is no blood on the hands of all the Malaysian Prime Ministers. Vide. ASEAN Regional News. Flying Dutchman Epic.
2. The 2-child family policy of the 1960s, 1970s, 1980s. There was a study in Singapore in 1970 that only 200 persons like you and me are required to rule and govern a populace of 2 Millions. Billionaires and millionaires from China and India are now imported like cattle freely. Singapore recently announced there was an increase of billionaires and millionaires every year. Vide. Channelnewsasia. 2011 to 2012. All Singaporean Blogs. The Star. The Seah Chiang Nee Columns.
3. US \$108 Billions of the citizens real Trust money was lost in October 2008 in a jiffy on Wall Street by investing in lesser institution than Singapore Inc. – the absolute abdication of sovereign powers to the riff-raff ! Vide. Channelnewsasia Lee Kuan Yew. November 2008. All Singaporean Blogs. January 2009 to 2012. Financial Times London. Gillian Tett. 'Singapore's Harvard Model' April 2010. How can a sovereign state copy a university's investment model ? The Star. Seah Chiang Nee Columns.
4. The absence of humanity and multiculturalism. Vide. The Curry Smell Tribunal. Channelnewsasia. 2012,
5. A perfunctory Judiciary system. Vide. Admiral Canaris, the Chief Spy of the Wehrmacht. He was stripped naked to demean him by Hitler's Judiciary and hung naked with piano wires.
6. The world's highest remuneration for Government officials.

Vide. Channelnewsasia. Warren Buffet.

7. The lifestyle and wealth of the ruling elite.

Vide. i) The Sale of Kim Eng Securities to Maybank. ii) The daily importation of 5,000 pigs. iii) Service contracts of flower nurseries etc.

8. The one-man rule which was in place since 1962.

Vide. The Star. Seah Chiang Nee Columns.

9. Miscellaneous.

It is good that we may compare the essential differences between Malaysia and Singapore through facts and not through hearsay and emotions. Facts are facts.

Stand up and walk proud and tall my fellow compatriots, the Malays. Together with Indonesia, a very unique Malay World, you will rise and rise with the World. Do not listen to people, very rich or poor, with secret agendas.

Discover for yourself the real Malay of today !

Vote BN always all Malaysians especially the Malaysian Chinese !

joashe's Gravatar joashe

September 6, 2012 at 6:40 pm | Permalink

Hang Tuah sekarang ini telah di jadikan legenda setelah besar kemungkinan beliau bukan Melayu tetapi Cina...

menjuhadapan's Gravatar menjuhadapan

September 6, 2012 at 10:17 am | Permalink

Tun,

Salam sejahtera. Untuk pembetulan, bahasa penghantar di Singapura ialah Inggeris dan Mandarin. Bukannya bahasa China. Pada pendapat saya, penghakisan kefasihan bahasa melayu di kalangan Melayu di Singapura dan utara Malaysia (border Thailand) tidak dapat dielakkan kerana sistem pendidikan di sana tidak mewajibkan pengajaran Bahasa Melayu. Kalau dilihat lebih jauh, kaum Cina di Indonesia juga tidak/kurang fasih bahasa Mandarin. Di Australia, kaum Cina di sana dah jadi separuh Mat Salleh. Pada pandangan saya, janganlah kita telalu mengambil berat tentang kurangnya melayu atau kurangnya cina seseorang itu berdasarkan kefasihan bahasanya. Yang pentingnya ialah, kita orang Malaysia perlu memartabatkan bahasa melayu sebagai bahasa nasional. Tak perlu kita "busy body" dengan negara lain kerana ekosistem sosialnya adalah berbeza. Rakyat Malaysia sebenarnya mempunyai banyak kelebihan untuk belajar bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin, Tamil dll kerana sistem pendidikan kita unik. Masalahnya sekarang ialah, politik telah memporak-perandakan sistem pendidikan kita. Misalnya, implementasi bahasa inggeris untuk pengajaran sains dan matematik atas idea Tun telah dihapuskan setelah berjalan untuk beberapa tahun. Pada hemat saya, sistem pendidikan tidak boleh sama sekali digunakan sebagai political tool!

truthseeker's Gravatar truthseeker

September 6, 2012 at 10:15 am | Permalink

Salam Tun dan rakan2 bloggers,

Kepada pembaca Melayu;

1. walaupun anda ada FREEDOM memilih untuk menjadi 'mat salleh' (dengan nilai moden), atau Arab (dengan nilai Arab), atau Melayu tradisional (yang mengamalkan apa2 yang dikatakan perangai, nilai orang Melayu), tetapi buatlah pilihan yang menurut perintah Allah. Tun saya yakin menurut perintah Allah sebelum melaksanakan sesuatu dasar, program. Apa yang tidak baik, tidak bagus yang Tun lakukan, nak tanya...kaji Wawasan 2020, kita, Melayu dan bukan Melayu dijangka (insyaAllah) menjadi hampir sempurna dalam semua aspek; agama, psikologi, ekonomi, sosial, politik, keselamatan, dll. Saya yakin semuanya terkandung dalam Al-Quran dan hadis, mengikut fatwa.

2. alangkah baiknya jika ada bangsa atau ras,,tetapi jika anda tidak mahu menjadi orang Melayu (mengikut definisi perlembagaan Malaysia), go ahead, tapi janganlah menghasut orang lain. Use your FREEDOM to choose, but stop instigating others. Konflik hanya berlaku apabila anda memaksa orang lain yang tidak suka anda menghasut.

3. begitu juga dengan anda yang mahukan bangsa atau ras Melayu, gunalah FREEDOM anda untuk memilih, tapi elak memaksa orang lain...tunjuk model Melayu Islam yang baik, insyaAllah orang lain akan turut anda. Saya berani menyatakan the fact that more people like Tun is simply because he is a true Muslim malay, betul tak, Tun cakap serupa bikin..man of principles. Mula2 Tun naik dulu, ramai kaum Cina risau sebab ada label Tun ultra malay, tapi Tun, being a real muslim, laksanakan tanggung jawab dengan bertanggung jawab, membuatkan semua (tua muda, miskin kaya, Melayu, bukan Melayu) dapat sesuatu, hepi...

4. Memanglah malu menjadi orang Melayu, kerana bangsa Melayu dikaitkan dengan kehinaan, kemunduran, kemalasan, dan apa2 yang tidak baik (itu yang berjaya dilakukan oleh kerajaan Singapura-menonjolkan ciri2 itu sehingga orang melayu sana percaya they are like that-self-fulfilling prophecy). Di California, kerajaan negeri itu mengharamkan penggunaan IQ Test di sekolah2 kerana anak2 negro selalu skor rendah sehinggakan mereka benar2 percaya mereka bangsa IQ rendah. Bangsa lain (termasuk Cina) ada masalah macam orang Melayu, tetapi orang Melayu tidak faham bahasa Cina, maka kita tidak tahu masalah mereka – pergi nonton cerita macam ‘we not naughty’, ‘we not stupid’, arahan pengarah cina Singapura, tentang anak2 dan remaja Cina Singapura yang pemalas, ponteng sekolah, nakal, melanggar undang2,dll....mereka pun ada masalah my friend. Di Singapura sekarang sudah meningkat kes2 anak muda Cina bekerja menjadi pekrja along.

5. Melayu malas ke...yang tok nenek kita ke sawah dari pagi sampai petang, menangkap ikan, bertani...tu kerja orang malas ka. Sebenarnya mat salleh yang nak rompak kita dulu memang sengaja bagi label itu dan bila selalu disebut2, semua orang percaya. Bacalah tentang pelbagai inteligen oleh Howard Gardner, iaitu inteligen ada banyak jenis, tetapi di Malaysia, orang resopek hanya inteligen ‘logical-mathematical’ itu sebabnya anak Cina yang pandai matematik dianggap inteligen tetapi anak Melayu yang kreatif (inteligen visual, musikal) tidak dianggap inteligen. Cikgu2 pun anggap anak Melayu yang kreatif ni kurang inteligen berbanding dengan anak2 Cina yang skor subjek sains dan matematik. Kaji dapatan Gardner;

Verbal-Linguistic — The ability to use words and language. Pengarang novel Harry Potter menghasilkan pendapatan berbillion USD. Ramai anak Melayu inteligen di sini tetapi tidak digalakkan. Ertinya boleh dapatkan rezeki yang halal.

Logical-Mathematical — The capacity for inductive and deductive thinking and reasoning, as well as the use of numbers and the recognition of abstract patterns. Inilah inteligen yang dibanggakan di Malaysia. Tidak ramai Melayu ada inteligen ini tetapi hasil daripada usaha Tun, lepasan asrama penuh, MRSM memiliki inteligen ini. Maka ramailah anak Melayu berprofesion dalam bidang ini sekarang dan...dapat rezeki yang halal.

Visual-Spatial — The ability to visualize objects and spatial dimensions, and create internal images and pictures. Ramai anak Melayu yang ada inteligen ini tetapi masyarakat Malaysia tidak respek sangat. Arkitek ada kebolehan ini...tengok Hijas, arkitek terulung. Hasil kreatif datang daripada manusia yang ada inteligen ini. Dapat rezeki halal juga.

Body-Kinesthetic — The wisdom of the body and the ability to control physical motion. Berapa harga Ronaldo, Beckham. Rooney, Shalin, Safee Sali, Nicol, Chong Wei, Zufahmi (motorbike)...inteligen body merekalah punca pendapatan halal mereka. Anak Melayu aktif dalam sukan, tetapi orang kita kurang respek...apakan daya. Dalam tahun awal 70an dulu semasa saya bersekolah di Pulau Pinang, sekolah Han Chiang, dan apanama tah sekolah cina satu lagi tu...mereka ambil pemain bola yang terer2 di kalangan Melayu untuk main bagi pihak sekolah.

Musical-Rhythmic — The ability to recognize tonal patterns and sounds, as well as a sensitivity to rhythms and beats. Melayu pun ramai di sini...pun, orang tak respek, walhal boleh bawa rezeki yang halal juga.

Interpersonal — The capacity for person-to-person communications and relationships. Orang Melayu pun ramai di sini, pun boleh bawa balik rezeki yang halal, macam Dato Dr. M Fadzilah Kamsah, Aznil, Anwar (disalahguna pulak..), Hadi Awang (pun salah guna jugak)...Si De Bono yang saya tahu pernah dibayar RM700,000 untuk sehari (tidak termasuk lodging, makan minum dan transport) untuk bercakap

Intrapersonal — The spiritual, inner states of being, self-reflection, and awareness . Kalau ikut logik, orang melayu yang beragama Islam mampu membuat muhasabah diri, inilah intrapersonal – boleh menjadi ahli teori, ahli falsafah

yang hebat dan boleh dapat rezeki yang halal juga.

You see, mat salleh ni sudah bagi banyak jawapan yang boleh digunakan untuk memberitahu dunia bahawa orang Melayu adalah inteligen.

6. meritocracy bukan sekadar berapa biji A yang anda dapat. Ini adalah bukti2 yang saya sendiri dan kawan saya terlibat;

a. pelajar2 Cina di IPTA boleh menjawab dengan cemerlang jika soalan exam menguji kefahaman (mereka hebat meluahkan semula poin2 yang dihafal), tetapi apabila diberikan soalan yang memerlukan tahap kognitif lebih tinggi seperti analitikal, aplikasi, sintesis dan penilaian, pelajar2 Cina ini tidak mampu deliver pada tahap ini (bukan semua tetapi majoriti). Tetapi pelajar Melayu ok pulak (majoritinya) bila diuji pada tahap tinggi ini.

b. sahabat saya Melayu, pernah menjadi pilot di negara China. Dia kata semasa dalam MAS, dia senang mengajar pilot2 Melayu, tetapi mengajar pilot2 Cina di China amatlah perit...walaupun akademik bagus, tetapi dari segi praktikal mereka (pilot Cina) lambat faham...kira lembamlah tu.

c. tolong semak ratings oleh Institute of Management and Development (IMD), Malaysia di antara negara yang cemerlang dalam governance di dunia...tadaaa...majoriti pentadbir adalah orang Melayu.

Ada persamaan orang Melayu dengan mat salleh – majoriti kedua-dua bangsa ni nampak macam slow dari segi akademik, tetapi apabila menguasainya, mereka menjadi mantap, mereka menguasai ilmu itu dan mengamalkannya...bukan sekadar dapat A berderet, selepas itu tidak boleh buat kerja. Oya sebelum terlupa, MERITOKRASI jangalah bersandarkan deretan A saja...A boleh diperolehi dengan pelbagai cara. Saya sendiri pernah cuba digoda oleh pelajar gadis Cina (sexually)agakunya untuk dapatkan A la tu...don't get me wrong, I responded the muslim way...no, I did not marry her, but advised her.

So, kepada orang2 Melayu, be proud you are a Malay. There are more than 300 odd million malays in this world, but Tun managed to put us somewhere above...please let us take our race higher.

Kepada Bukan Melayu;

You have the freedom to condemn us or praise us, your choice. There is a research conducted by Malaysian Chinese that somewhat blames the Malay government for turning the chinese into 'kiasu' people, selfish lot...he said due to NEP, priority to the malays in academic, business and others are the main reasons why the chinese become selfish and kiasu-like. Just like in Singapore, anything negative, blame the skin of the malays. NEP that makes the chinese richer, the moderate attitude and accomodating nature of the malays that make you richer, the malay leaders who are not extremists that make you richer...how come you people are not grateful, show some appreciation and respect!

Because of malays being malays that you can enjoy your lives fully in this country; carrying your chinese names, practice your traditions, mores, ritual, customs, religions, etc.

So, help the malays to be malays...you have better future...because muslim malays are the kind lot...trust me or rather look at history of the chinese and indian in Malaysia yourself. Do not think you will be treated better by your own race in China or India.

but

Bubbles's Gravatar Bubbles

September 6, 2012 at 9:39 am | Permalink

Salam Tun,

Islam pun hanya tinggal nama!! Jangankan dari kalangan orang muda, yang tua pun sama, yang berjubah dan berserban pun sama!!

Apabila Tun sebut tentang "better than devil you know than the angel you do not know", mereka terus mengkritik Tun, kata macam macam dan suruh Tun bertaubat, tapi dimana suara suara mereka apabila ada golongan yang memperkecil kecilkan Rasullulah s.a.w dan putar belit ajaran Islam??

rafideen's Gravatar rafideen
September 6, 2012 at 3:59 am | Permalink

kebangkitan nusantara tun?
Nikmat's Gravatar Nikmat
September 6, 2012 at 12:35 am | Permalink

Assalamu'alaikum wr wb
YAB Tun Dr Mahathir Yg DiRahmati Allah s.w.t.

Perkara no 6 itu adalah kerja n.ajis
kuih's Gravatar kuih
September 5, 2012 at 10:39 pm | Permalink

you make us proud !
Tuntuah's Gravatar Tuntuah
September 5, 2012 at 7:57 pm | Permalink

Melayu.. Hehehe
Tak guna melayu jika sibuk meliwat atau sokong peliwat.
Bangsat la melayu tu biler dier leh kater tuhan mencarut
Haprak melayu tu kalu sibuk dgn scandal sex n tak hormat ibu
Lahanat melayu tu kalu dah knalwat dgn bini org dan bangga kerana still dipuja pengikut jahiliah nyer.
Hantu punyer melayu asik nak kutuk melayu lain biler dah kaya
Tak guna melayu tu biler sokong dap

So it is ok if melayu ini hilang.

I like to be called racist. I am ok with that because i got race to be proud of. Very much better dari jadi scottish the son of british.

Yes i am melayu from malaysia.
donplaypuks's Gravatar donplaypuks
September 5, 2012 at 7:18 pm | Permalink

“...maka orang Melayu (diSingapura) sudah pun tidak menggunakan Bahasa Melayu..Budaya, adat istiadat Melayu juga terhakis...”

Says who? What real statistics do you have to back it up? How many trips have you made there to really study the situation? How many complained to you?

Why are you out to stir the s**tpot by lamenting about Singaporean Malays, who make up less than 15% of its population? As a minority in Singapore, the Malays there have far more advantages and representation in government than the minorities in Malaysia.

Why aren't you happy that a lot more Malays, over 300 million live happily in Indonesia alone, and keep alive Malay culture and customs?

As for the S'pore education system, they have a single school system. You had 22 years to rectify the situation in Malaysia, and failed miserably!

In the last analysis, ask yourself who sold out Singapore (Temasik) to the British? It has been independent of Malaysia now for 193 years and does not you or your advice for their further advancement.

Without your unique brand of discrimination in favour of the rich, cronies and connected, Singapore (and the Malays there who contributed substantially to it) now has the highest per capita purchasing power parity adjusted

GDP in the world! So, wake up, get out from under your state of denial and misconception that somehow Singapore still belongs to Malaysia. Think again about what has gone wrong in Malaysia and what positive solutions you can come up with rather than engage in subtle racism vis-a-vis Singapore.

Sowing the seeds of discontent and strife by pointing at and interfering in the internal affairs of Singapore is really the coward's way out.

Dpp

we are all of 1 Race, the Human Race
nazrimalik's Gravatar nazrimalik
September 5, 2012 at 6:36 pm | Permalink

Saya orang Melayu. Saya ambil berat.
mnrnmelayu's Gravatar mnrnmelayu
September 5, 2012 at 6:01 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun,

Terharu bila memikirkan luahan Tun yang banyak kebenarannya. Saya berpendapat bahawa berikut adalah antara penyebab2 utama

1. Melayu sudah berpecah dan punca utama kerana berbeza pendapat tentang politik. Apa yang saya amati, kita tidak boleh terima apabila orang lain tidak bersetuju dengan pendapat kita.
2. Mudah terpengaruh. Selalu menyangka budaya & bangsa lain lebih baik kerana menyangka "the grass on the other side is always greener"
3. Tidak yakin pada bangsa sendiri dan takut "lawan towkey"

Untuk melihat bagaimana Melayu hilang, maka lihat lah apa terjadi di MISC. Walaupun diketuai oleh orang melayu, tetapi kerana tak percaya bangsa sendiri atau takut "lawan towkey", telah melantik orang2 bukan melayu di jawatan penting. Tanpa disedari, sebelum penutupan Liner service, ramai pegawai2 & pelaut2 melayu yang berada di tanker, chemical & LNG division telah dipindahkan ke liner service atas pelbagai alasan kononnya. Maka bila pengumuman tentang penutupan, majority pekerja melayu hilang pekerjaan dan suara melayu di MISC sedikit demi sedikit hilang. Walaupun masih ramai yang tinggal, tetapi mereka tidak mampu menongkah arus dan suara mereka tidak lagi didengari. Saya yakin, lambat laun hilang lah Melayu di bumi MISC. Ciri2 yang sama telah mula kelihatan di petronas, walaupun ramai melayu tetapi telah mula hilang suara.

Mampukah setiap orang melayu, tidak kira siapa dan dimana jua, mampu meletakkan kepentingan bangsa melayu kepentingan peribadi? Selagi kita tidak mampu, maka kita akan terus berpecah dan lama kelamaan akan pupus, yang tinggal hanya kenangan.

Sebagai perbandingan kenapa bangsa cina boleh kekal wujud beribu2 tahun, inilah pengalaman saya...

Ramadan lalu, telefon mudahalih saya rosak. Maka saya dengan rakan yang bekerja sendiri sebagai pembaikpulih computer dan telefon mudahalih pergi ke Plaza Low yat. Setelah bertanya harga di beberapa kedai, dia membawa saya ke kedai yang hanya menjual alat ganti telefon mudah alih sahaja. Tanda harga untuk alat ganti yang saya perlukan adalah RM280, dan harga yang diberikan kepada saya adalah RM250 termasuk upah pasang sepertimana harga tawaran yang diberikan oleh kedai2 lain. Setelah saya cuba menawar agar harga diturunkan tidak dilayan, maka saya pun bersetuju.

Sementara menunggu, saya memerhatikan kehadiran seorang pelanggan bangsa Cina. Beliau telah meminta sesuatu dan maka pelayan tersebut terus mengambil barang lalu diberikan kepada pelanggan tersebut. Saya lihat, pelanggan tersebut mengeluarkan wang RM100 lalu diberikan kepada pelayan dan pelayan tersebut memulang sejumlah wang yang saya tidak pasti jumlahnya. Setelah pelanggan tersebut itu beredar, maka saya pergi untuk melihat tanda harga alat ganti tersebut. Agak terkejut apabila melihat tanda harga yang paling murah adalah RM230 dan saya juga sempat menjeling resit yang dikeluarkan dengan harga RM85. Tanpa perlu tawar menawar, pelanggan cina ini telah diberi discount 63% berbanding dengan saya hanya 10%.

Maka saya memberitahu kawan saya bahawa, perniagaan beliau tidak akan untung kalau hendak bersaing dengan

peniaga cina kerana harga alat ganti yang mereka dapat 63% lebih murah. Bukan itu sahaja, walaupun mereka bersaing seperti di Plaza Low Yat ini, mereka mengamalkan persaingan yang sihat sesama mereka dan mengawal harga. Kerjasama demi kepentingan bersama tanpa perjanjian bertulis.

Saya pernah bertanya dengan rakan kerja saya berbangsa Cina, kenapa pelanggan Cina mendapat harga lebih murah tanpa perlu meminta discount berbanding dengan pelanggan melayu. Beliau mengakui ini benar dan tidak tahu kenapa berlaku. Kesimpulan yang saya ambil, walaupun mereka mungkin berbeza latar belakang, politik mahupun agama tetapi mereka tetap bersatu dalam menjaga kepentingan bangsa sendiri.

Maka Bangsa Melayu akan terus kekal dan relevan kalau kita bersatu.

Apakah kita mampu bersatu? Ya.

Apakah asas yang mampu menyatukan bangsa melayu? Tidak ada jawapan lain yang dapat saya fikirkan melainkan ISLAM

Bagaimana? Dengan meletakkan kepentingan ISLAM & Melayu mengatasi kepentingan peribadi

sekian, wassalam...

bumi malaya's Gravatar bumi malaya

September 5, 2012 at 4:33 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun,

Amat malang melayu takut nak bercakap tentang bangsanya sendiri apatah lagi di bumi sendiri. Teringat saya pada pencium keris yang akhirnya terpaksa minta maaf dek kerana mencium keris lambang bangsanya sendiri.

EM's Gravatar EM

September 5, 2012 at 1:57 pm | Permalink

Saya tidak mengaku Melayu sebab saya memang bukan orang Melayu, hahaha.

Kepada semua rakyat Malaysia, pertahankan masyarakat "racist" yang kita ada sekarang. Kita tidak mahu menjadi Amerika yang rakyatnya mungkin tidak racist, tapi pada masa yang sama sudah kehilangan jati diri bangsa mereka. Mereka tidak racist sebab mereka tiada race!!! Yang ada cuma warganegara, hitam atau putih.

Dengan kata lain, kalau ada orang yang mencanang konsep warganegara tanpa bangsa, mereka berkempen untuk memadam identiti bangsa Melayu dan bangsa2 lain. Orang ini sebenarnya yang racist paling besar, bercita2 untuk melucutkan hak bangsa orang lain.

Joshua Lopez's Gravatar Joshua Lopez

September 5, 2012 at 12:59 pm | Permalink

Dear Tun,

Your memory has failed you. Lee Kuan Yew was totally against race based education and he felt that Chinese Education would create Racists. Hence he closed down all chinese schools and made English the language for education. One language for all and today Singapore is a first world country and has so much to be proud off even though they gained their independence later than Malaysia.

Furthermore, you are the very same person who has openly claimed that Hang Tuah could be a myth and is not a good example. Clearly, your memory has failed you.

genius's Gravatar genius

September 5, 2012 at 12:38 pm | Permalink

Salam,

Tun yang dihormati,
dan pembaca sekalian.

1. Daripada sudut sains, genetik kaum Melayu mungkin tak akan hilang selagi masih ada Melayu yang kahwin dengan Melayu (100%). Jika ada kahwin campur DNA sudah berubah peratusannya.

2. Daripada sudut falsafahnya, kaum Melayu mungkin tak akan hilang selagi kaum Melayu menyemai, menerap dan mengamalkan perlakuan kebiasaan dan budaya kaum Melayu
3. Daripada sudut sosiologinya, kaum Melayu mungkin tak akan hilang selagi kaum Melayu bertapak di Malaysia ini sebagai pemerintah dan kuasa mengekalkan identiti dan kebudayaannya masih tetap utuh mengatasi agenda politik dan tidak mencapur aduk kan dengan urusan agama.
4. Kenyataan diatas hanyalah kemungkinan dan telahan yang barangkali boleh di fikirkan oleh tahap pemikiran yang biasa-biasa aje.
5. Untuk menjadi luarbiasa, jatidiri ke Melayuan harus lah tebal dan kukuh sehingga tahap sanggup melakukan apa yang sepatutnya untuk mempertahankannya.
6. Melayu semua, bangunlah ... ayuh pertahankan bangsa kita yang berdaulat ini.

Amin
chiefkampung's Gravatar chiefkampung
September 5, 2012 at 12:14 pm | Permalink

Salam Tun

Memang sedih apabila mengetahui hakikat ada dikalangan bangsa Melayu yang merasa 'jjjik' dengan bangsa mereka sendiri. Ini mungkin terkesan dengan tindakan melampau segenlinter pihak yang telah sekian lama memahat persepsi kepada masyarakat Melayu bahawa istilah Melayu itu ada ciri Assobiyah. Tak tau dari mana datangnya hukum ciptaan manusia ini. Yang nyatanya kita akan menghampiri zaman kehilangan jati diri dan roh Melayu itu sendiri jika kita membiarkan 'racun-racun' ini terus menerus meresap fikiran anak-anak kita. Mungkin sikap keterbukaan Melayu itu sendiri yang akhirnya memakan diri? Seketika menghayati puisi Melayu karya si Tongkat Warrant.

Melayu itu orang yang bijaksana
Nakalnya bersulam jenaka
Budi bahasanya tidak terkira
Kurang ajarnya tetap santun
Jika menipu pun masih bersopan
Bila mengampu bijak beralas tangan.

Melayu itu berani jika bersalah
Kecut takut kerana benar,
Janji simpan di perut
Selalu pecah di mulut,
Biar mati adat
Jangan mati anak.

Melayu di tanah Semenanjung luas maknanya:
Jawa itu Melayu, Bugis itu Melayu
Banjar juga disebut Melayu,
Minangkabau memang Melayu,
Keturunan Aceh adalah Melayu,
Jakun dan Sakai asli Melayu,
Arab dan Pakistani, semua Melayu
Mamak dan Malbari serap ke Melayu
Malah mua'alaf bertakrif Melayu
(Setelah disunat anunya itu)

Dalam sejarahnya
Melayu itu pengembara lautan
Melorongkan jalur sejarah zaman
Begitu luas daerah sempadan
Sayangnya kini segala kehilangan

Melayu itu kaya falsafahnya
Kias kata bidal pusaka
Akar budi bersulamkan daya
Gedung akal laut bicara

Malangnya Melayu itu kuat bersorak
Terlalu ghairah pesta temasya
Sedangkan kampung telah tergadai
Sawah sejalur tinggal sejengkal
tanah sebidang mudah terjual

Meski telah memiliki telaga
Tangan masih memegang tali
Sedang orang mencapai timba.
Berbuahlah pisang tiga kali
Melayu itu masih bermimpi

Walaupun sudah mengenal universiti
Masih berdagang di rumah sendiri.
Berkelahi cara Melayu
Menikam dengan pantun
Menyanggah dengan senyum
Marahnya dengan diam
Merendah bukan menyembah
Meninggi bukan melonjak.

Watak Melayu menolak permusuhan
Setia dan sabar tiada sempadan
Tapi jika marah tak nampak telinga
Musuh dicari ke lubang cacing
Tak dapat tanduk telinga dijinjing
Maruah dan agama dihina jangan
Hebat amuknya tak kenal lawan

Berdamai cara Melayu indah sekali
Silaturrahim hati yang murni
Maaf diungkap senantiasa bersahut
Tangan diulur sentiasa bersambut
Luka pun tidak lagi berparut

Baiknya hati Melayu itu tak terbandingkan
Segala yang ada sanggup diberikan
Sehingga tercipta sebuah kiasan:
“Dagang lalu nasi ditanakkan
Suami pulang lapar tak makan
Kera di hutan disusu-susukan
Anak di pangkuan mati kebuluran”

Bagaimanakah Melayu abad dua puluh satu
Masihkan tunduk tersipu-sipu?
Jangan takut melanggar pantang
Jika pantang menghalang kemajuan;
Jangan segan menentang larangan
Jika yakin kepada kebenaran;
Jangan malu mengucapkan keyakinan
Jika percaya kepada keadilan.

Jadilah bangsa yang bijaksana
Memegang tali memegang timba
Memiliki ekonomi mencipta budaya
Menjadi tuan di negara Merdeka ”

USMAN AWANG
dotnetadil's Gravatar dotnetadil
September 5, 2012 at 11:28 am | Permalink

Assalamualaikum,
Earlier this year, I was in Singapore for 2 months. During that time I stayed in my company guesthouse just behind the Tanjong Pagar Railway Station (Spooniswoode Park). Every morning I will take a cab to my office which is in Changi. The thing is that if the cab driver is a Malay and when he know that I'm a Malaysian then he will not stop bad mouthing Malaysia especially Datuk Seri Najib policy, They are really angry about him (Datuk Seri Najib) selling Tanjong Pagar. I would really appreciate if you could explain why during your time, you did not entertain Singapore demand for Tanjong Pagar and why Datuk Seri Najib did sold it.
I wonder when will they change the slogan Majulah Singapura on the national symbol.
Mis_bah's Gravatar Mis_bah
September 5, 2012 at 10:20 am | Permalink

Bangsa Melayu juga adalah bangsa ciptaan Tuhan, seperti juga bangsa2 lain . Jadi mengapa kita perlu malu mengaku sebagai bangsa Melayu. Kalau kita malu mengakui bangsa kita kerana kita mundur, kita mesti berusaha untuk maju supaya setanding dengan bangsa lain. Bangsa lain yang kita banggakanpun maju kerana mereka berusaha. Ingatlah tidak bangsa yang hina kecuali bangsa yang sudah dihina oleh Allah..
amin tan's Gravatar amin tan
September 5, 2012 at 8:30 am | Permalink

Salam Tun,

Saya setuju sangat kata2 Tun.

//7. Tetapi yang akan menghilangkan Melayu di dunia ialah dakwaan bahawa sesiapa yang bercakap berkenaan dengan bangsa Melayu, mereka akan dituduh “racist”. Oleh itu orang Melayu sudah tidak lagi berani menyebut perkataan Melayu kerana tidak mahu dituduh “racist”.

8. Kasihan Hang Tuah. Besar kemungkinan kata-katanya tidak lagi akan menjadi kenyataan. Demikianlah apabila kita bergantung kepada kata-kata hikmat untuk nasib kita, akhirnya akan hilang hikmatnya.//

Di Singapore, kutbah jumaat dibaca dalam bahasa Inggeris di kebanyakan masjid.
Dalam perlumbaan hidup harian pada amnya orang2 keturunan China dan India lebih maju daripada kaum Melayu. Untuk seimbangkan keadaan kerajaan telah memberi sedikit kelebihan dan keistimewaan kepada Melayu. Keadaan ini telah didengki dan diungkit habis2an oleh parti politik seperti DAP yang berkepentingan sehinggakan tercetus kejadian perbalahan kaum 1969. Dewasa ini demonstrasi jalanan anjoran BERSEH bergabung dengan parti2 Pembangkan telah memeralatkan pemuda2 Melayu dan Datuk Samad untuk menggugugatkan keamanan negara. Pihak berkuasa dan kerajaan kelihatan tidak tegas menangani keadaan kerana bimbang dituduh keterlaluan.

amin tan
truthseeker's Gravatar truthseeker
September 5, 2012 at 2:37 am | Permalink

Salam YAB Tun and fellow bloggers,

1. Interesting posting...I like...
2. Oya, congratulations for being conferred that honorary doctorate in Indonesia...I supposed the wise ones still

remember you, as you remember Suharto. Is it true that Suharto was going to take up Indonesia to a higher level(economically) but sabotaged by US? Tun mesti tahu apa yang sebenarnya berlaku...

3. OK, about this 'melayu takkan hilang' thing...

4. Melayu can disappear forever (slow process but effective) through;

a. deliberate and strategic efforts like what Singapore government is doing to the Malays there...it's working. I remember how the Malays over there looked down on the Malays in Malaysia, thinking that they are better off...my god, their government had successfully 'brainwashed' them – whereas in reality, they are nowhere yet!

Singapore chinese leaders must be delighted (for separating the 2 malays) until one fine day, when the Singapore malays came together with Malaysian malays to protest the visiting president or was it PM of Israel...that must had been bad for PAP and I presumed the party is working hard to do something about this unity through religion. DAP is imitating their models in PAP, MELAYU AKAN HILANG.

b. new modern values adopted by some malays – most of the people having these values demonstrate 'westernized' behaviors such as; feeling they are unique person, an individual (thus being individualistic), trust the formal institutions more than family, believed in the survival of the fittest, win-lose situation whereby they win and others lose, etc...Obviously, they will not uphold most of the 'malay' ways, the traditional ways anymore, like the language, practices, mores, rituals, customs, etc. MELAYU AKAN HILANG.

c. Arabic values (not actually Islamic values) adopted by some of the malays; If they are true muslims, they will practice the true Islamic religion in all aspects of life. But what we are getting now are a bunch of people who wants to be arabs - speaking the language (in praying will suffice), dressing like the arabs, behaving like them, etc....Quite a number are confused between being muslims and being arabs! Worst of all is when PAS indoctrinate some minds that the party is God's party...my god. Being a malay is wrong and sinful, assabiyah....MELAYU AKAN HILANG.

d. the F factors; food, fun, films, fashions...sounds funny ha? tell me, why some malay youngsters want to have mat salleh's names, wear colored eye lenses, adopting lifestyles of mat salleh (a little bit different from adopting modern values) like drinking, feeling guilty for being a virgin, etc. there was a research finding that correlated celebrity lifestyles and teenagers behaviors like clubbing, drinking, unwed mothers in US (and now in Malaysia). I remember Madonna's song 'papa don't preach', telling the kids to go ahead getting pregnant. MELAYU AKAN HILANG.

e. poverty – in Indonesia there were reports about muslims becoming christians because of poverty. I supposed that is why some christian priest and preachers in Malaysia are trying to convert the malay homeless, the poors, etc to become christians. MELAYU AKAN HILANG.

HOW TO AVOID MELAYU HILANG?

a. copy-cat Tun's attitude and behaviors;
– using Islam as his foundations to help muslims and non muslims (that may explain why the malays are still the malays after more than 22 years, and the non-muslims are still here doing their stuffs)
– respect the malays (Tun respects himself as a malay and put the malays up as a superior race). Tun even put his life at stake by having malay doctors to operate on him, malay officers to govern this country, malays in businesses (even though still struggling but improving), malay professionals (when I was in primary school in 60s, I remembered how the whole kampung came out to take a look at a malay doctor...but now, due to Tun's efforts mostly, we see thousands of malay doctors and we take for granted). A lot of things Tun and his cabinet did to give pride to the malays...because Tun knows that when the time comes whereby the malays cannot rely on the constitutions anymore, the malays must be ready; having adequate knowledge, skills, experience to compete with others. Thus, MELAYU TAKKAN HILANG.
p.s. Not sure how? go and buy Tun's book or read about Tun's policies and programs.

b. all malay parents use their wisdom, knowledge to help themselves and their children to become muslim-malays (not mat salleh or arabs) ...Study what DAP, PKR and PAS are doing – protecting the malays or going to disappear the malays faster? MELAYU TAKKAN HILANG

SUSAHKAH? SUSAH ATAU TIDAK MAHU?

Jika mahu, banyak jalannya...jika tidak mahu, banyak songehnya...you have freedom to choose!
samuraimelayu@gmail.com's Gravatar samuraimelayu@gmail.com
September 5, 2012 at 12:35 am | Permalink

SALAM KASIH DAN SAYANG

AYAHANDA RAKYAT TUN

Izinkan,

...dan tak serik2 kami laungkan semangat 'racist' yang terdapat dalam puisi keramat kami.

TUTUR PENGHARGAAN BANGSA

MEI 13, 1969 IA BERMULA
MELEDAH BANJARAN PEMISAH
MENGALIR DEBU DAN LAHAR
DIANTARA DARAH DAN NANAH
MERESAP DICECAIRAN BUMI BANGSA
KEKAYAAN PUSAKA BANGSA DIMILIKI SEMUA

NAFSU HAIWAN MENGUASAI JIWA RAGA
DENYUT NADI HASAT DENGKI
MERAH, MEMBAHANG, MENYALA
SLOGAN MELAYU BERDILEMA

MERANGSANG PEJUANGAN BANGSA

BANGUN TEGAK BERDIRI
MEROBOH, MENCANAI
WALAUPUN MULANYA KERINGAT DAN AIRMATA
PERIT, PEDIH, RINTIHAN

DALAM PENENTU BELUM PENGHUJUNG
MENGORAK LANGKAH, MENGATUR CARA
MENITI PERMATANG, PENENTU JUANG
KINI, BANGSA MU MULA MENGANGKAT MUKA
TIADA EJEKAN KATA HINA

TETAPI SAMPAI DETIK BILA BERTAHAN LAMA
DASAR EKONOMI BARU, PANDANG KETIMUR
WAWASAN 2020 BUKAN TITIK PENYUDAH
BAGI GENERASI MENDATANG IA BERMULA

MELAYU TAK HILANG DIDUNIA BUKAN DENDANGAN
TETAPI LANDASAN PERJUANGAN

DEMIKIAN SURATAN ILMU ALLAH
BANGSA MELAYU MELANGKAH MEGAH
MENJULANG PANJI PANJI BUMI BERTUAH
ANAK WATAN PUSAKA BANGSA

MAHATHIR, NAMA MU MEKAR SEGAR
SEPERTI MAWAR DITITIS EMBUN PAGI
MANIS DIKATA
HILANG MU KU CARI
PERGI MU KU NANTI
PULANG MU KU TUNGGU

KAU LAYAK MENERIMA ANUGERAH
RIMBUN PELINDUNG UNTUK SEMUA
AYAHANDA, TUTUR PENGHARGAAN BANGSA
BONDA, UNTUK ISTERI TERCINTA

DEMIKIAN KELUHAN RINDU
DARI RAKYAT BANGSA MU
YANG PUNYA PERASAAN
DARAH, DAGING, TULANG, URAT SARAF
YANG MENJUNJUNG FALSAFAH PERJUANGAN BANGSA MU
UNTUK BANGSA MU MELAYU, SELAGI IANYA BERGELAR MELAYU.

SALAM KASIH DAN SAYANG KAMI
AYAHANDA RAKYAT TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
SALAM KASIH DAN SAYANG KAMI
BONDA RAKYAT TUN DR. SITI HASMAH ALI

ALFATIHAH, AMIN
iskandar shah 2's Gravatar iskandar shah 2
September 4, 2012 at 10:58 pm | Permalink

Salam Tun

1-Dunia Islam menghadapi zaman cabaran yang paling dahsyat di abad ini Tun.Islam dah perpecah teruk sangat sampai nak nangis saya dibuatnya.Di Malaysia mazhab shiah dah semakin ramai sangat sampai saya pun tak percaya.

2-Ada sorang mangkuk hayun shiah berdakwah cara paling berhemah kat saya.. dia start dengan kisah indahnye kahwin mutah.Lepas tu barulah cerita kisah2 hebat ahli bait. Betapa cerdiknye Ali dan ahli bait yang lain.Sebab itulah Iran hari ini maju sampai dah ada nuklear.

3-Masuk blog mereka mak oi takut tengok orang shiah dan sunni saling kutuk mengutuk dan masing2 menegakkan kebenaran masing2.Komen tentang isu selawat dengan mereka lagi hebat.Selawat depa lagi dahsyat.Imam imam depa maksum..

4-Kami yang mau lari dari mazhab2 ini dan mau kembali ke Quran tapi di Blog quranis ni pulak ada dikalangan Quranis yang mostly dari Singapore di pengaruhi oleh 'mujadid' baru SafarAidid..mengtakfir semula root word Alquran yang kononnya telah dirosakkan oleh satu 'konspirasi Arab'..akhirnya boleh makan babi,boleh minum arak,tak payah solat,puasa bukan tak makan atau minum,buat haji shirik sebab sembah batu hitam dan sebagainya..astaghfirullah..

5-Bila kita tengok apa yang berlaku dalam dunia Islam kebencian yang meluap2 diantara Shiah dan Sunnah,antara mereka ini dengan puak yang mahu kembali ke Quran,kita naik hairan mengapa begitu dahshat kebencian didalam satu agama yang maksudnya ialah 'salam'peace..Saya rasa buat masa ini tak ada ugama lain yang sebegini dahsyat pergolakannya berbanding Islam.Berbunohan sesama sendiri diatas perbezaan pandangan sahaja dah lumrah sangat..

6-Tu belum masuk bab politik lagi.Dalam U-tube kita dah boleh tengok orang Islam dah nak bertumbok dalam masjid .Yang saya tengok ni di antara penyokong Anwar dan penentangnye.

7-Mangkuk hayun Anwar ini tidak segan silu mengguna masjid untuk kepentingan dirinya walaupun beliau tahu tentang kemungkinan berlakunya situasi tegang yang akan memalukan Islam ini.Janji menang pilihanraya ke 13 whatever goes.

8-Tak tahu lah Tun saya lebih beratkan Islam dari Melayu ni.Orang Melayu hilang didunia bukan masalah besar banyak lagi bangsa yang telah hilang,bangsa Mesir,bangsa2 di timur tengah yang akhirnya ditelan oleh bangsa Arab.Yang tak boleh hilang ialah bangsa Muslim.

9-Hakikatnya Tun masalah orang Melayu dah teghok sangat dah.Bila PKR menang nanti tengoklah..atas dasar kebebasan beragama,,mungkin ramai anak2 muda yang dah bosan tengok perpecahan dan percangahan pandangan dalam Islam yang boleh disaksikan dialam maya, akan murtad.

10-Like it or not,the only solution to our complex problem is to do the impossible.Islamkan semua non Muslims di Malaysia secara berhemah!Bukannya Islam 'Arab' tapi Islam yang 'universal' dimana orang2 Cina dan India tidak perlu tukar nama atau budaya mereka.

11-Kalau 600 tahun lalu orang2 China dan India di laluan sutra boleh menerima Islam mengapakah perkara yang sama tidak boleh berlaku kini.Orang2 Melayu dulu pun Hindu juga.Tapi kalau dunia Islam macam harini haru biru memang lah impossible sangat..tapi bos tak dak cois kot..

12- Hanya agama Islamlah yang dapat menghilangkan isu perkauman kita,inshaAllah.If this cannot be done..Melayu memang akan hilang didunia.

Terima kasih.
Botak's Gravatar Botak
September 4, 2012 at 8:55 pm | Permalink

Takkan Melayu hilang ke Bumi
Kata Laksamana Hang Tuah

Sayang Hang Tuah sendiri
Hilang entah kemana

Apa Melayu, siapa melayu, kenapa melayu?
Asal keluarga kita terjaga, rukun tertangga kita terjaga
Kemakmuran negara terjaga
Melayu, Cina, India semuanya dah jadi rojak
Banyak campuran benih
Banyak pun sudah di TOT
Macam pokok mangga

Yang penting kemakmuran kaum mseti diharumi
Apa bangsa tidak bolih menindas lain kaum
Jangan menzalimi sesama
Sama sama tolong menolong

Kepincangan melayu adalah salah sendiri
Hidup suka beranggan

Orang putih mati tinggalkan Nama
Cina mati tinggalkan harta
Melayu mati tinggalkan angan angan

Nak tolong melayu kena kasi mereka susah
Baru mereka akan cari haluan sendiri

Ni bendera Singapura Siapa punya Angkara
Yang disebar di hari Kemerdekaan
Harus Rotan, Harus di hukum

Tukar pun baik bendera Malaysia macam bendera Amerika
Tukar kepada lebih ke Islam, pada identiti melayu sendiri
Bentuk Ketupat ke, Bentuk Keries ke

<http://chedet.cc/blog/?p=833>